

# Kemangkatan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah



## Sultan teragung, pahat sejarah istimewa

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**KUALA LUMPUR** - Almarhum Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah disifatkan sebagai sultan teragung berjiwa rakyat dan telah memahat pelbagai sejarah istimewa sewaktu memegang tampuk pemerintahan negara.

Dekan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Ahmad Marthada Mohamed (**gambar kecil**) berpendapat, Tuanku Abdul Halim telah melakar sejarah institusi beraja negara apabila dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali semasa hayatnya.

"Tuanku Abdul Halim merupakan satu-satunya Sultan yang memegang tampuk tertinggi pemerintahan negara sebanyak dua kali iaitu ketika menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-5 pada tahun 1970 hingga 1975 dan Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada tahun 2011 hingga 2016.

"Sepanjang era pemerintahan

Tuanku Abdul Halim sebagai raja berperlembagaan, pelbagai kejayaan dan pembangunan telah dikecapi oleh rakyat Malaysia dan ini membuktikan baginda merupakan seorang Sultan yang disegani,"

kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ahmad Marthada berkata demikian sebagai mengulas kejayaan dan sejarah yang dilakar oleh Almarhum Tuanku Abdul Halim sepanjang bertahta sebagai Sultan Kedah dan Yang di-Pertuan Agong

dalam tempoh 60 tahun.

Tambah Ahmad Marthada, sewaktu menjadi Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim turut berpeluang menyaksikan pemerintahan dua pemimpin negara diterajui Tun Abdul Razak Hussein dan anak beliau iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak.

Era pemerintahan Tun Abdul Razak yang diiktiraf sebagai bapa pembangunan berlangsung pada tahun 1970 hingga 1976 manakala Najib bermula dari 2009 sehingga sekarang.

### INFO

#### Atur cara Istiadat Pemakaman Sultan Kedah

- **8 pagi:** Istiadat bersiram jenazah
- **9.30 pagi:** Istiadat mengkafan dan menabur candana
- **11.30 pagi:** Istiadat penghormatan terakhir untuk orang awam
- **12.30 tengah hari:** Istiadat penghormatan untuk orang-orang kenamaan
- **1.30 petang:** Pengisytiharan keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja
- **2 petang:** Pengiringan jenazah
- **4 petang:** Pemakaman dan majlis tahlil/doa selamat

"Ini merupakan sesuatu yang istimewa kerana Tuanku Abdul Halim bukan sahaja menjadi saksi kepada dasar-dasar yang diperjuangkan oleh Tun Abdul Razak malah turut bersama Najib yang memajukan Malaysia ketika ini," kata beliau.

Justeru, kata Ahmad Marthada, kemangkatan Tuanku Abdul Halim merupakan suatu kehilangan besar bukan sahaja buat rakyat Kedah malah seluruh penduduk Malaysia.



TUANKU Abdul Halim ketika dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 1970 hingga 1975 (gambar kiri) dan pada tahun 2011 hingga 2016.

# Tunku Sallehuddin Sultan Kedah ke-28

Kosmo  
12/9/17  
mls 3

**ALOR SETAR** – Raja Muda Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibnu Almarhum Sultan Badlishah bakal diisytiharkan sebagai Sultan Kedah ke-28 hari ini selepas kemangkatan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Anak Bukit di sini semalam.

Tunku Sallehuddin, 75, dimasyhurkan sebagai Raja Muda Kedah pada Disember tahun lalu sebagai menggantikan Raja Muda Kedah sebelum ini, Tunku Abdul Malik Almarhum Sultan Badlishah, 86, yang mangkat pada 29 November tahun lalu.

Almarhum Tuanku Abdul Halim, 90, meninggalkan Sultanah Kedah, Tuanku Haminah Hamidun.

Almarhum mempunyai tiga orang puteri bersama Almarhumah Tuanku



TUNKU SALLEHUDDIN

Hajah Bahiyah Tuanku Abdul Rahman iaitu Almarhumah Tunku Sarina, Tunku Soraya dan Tunku Intan Shafinaz.

Mengikut sumber istana, pengisytiharan tersebut dijangka diumumkan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja pada pukul 1.30 petang.

## INFO

## Tunku Sallehuddin

- Diputerakan di Alor Setar, Kedah pada 30 April 1942
- Merupakan putera kesembilan daripada 14 adik-beradik hasil perkahwinan Sultan Badlishah dengan Sultanah Asma Sultan Sulaiman
- Almarhum Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah merupakan kekanda kepada Tunku Sallehuddin
- Berkahwin dengan Tengku Maliha Tengku Ariff dan dikurniakan dua orang putera
- Ditabal sebagai Raja Muda Kedah pada 16 Disember 2016
- Merupakan Canselor Universiti Kolej Sains Perubatan Cyberjaya

## Titah terakhir Tuanku Abdul Halim rasmi DUN

**ALOR SETAR** – Almarhum Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah memberi titah rasmi terakhir baginda ketika merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Mesyuarat Pertama Penggal Kelima yang ke-13 di sini pada 14 Ogos lalu.

Antara titah yang dibacakan oleh Raja Muda Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Almarhum menzahirkan rasa dukacita atas tindakan sesetengah pemimpin politik dan individu berkepentingan yang mengambil kesempatan menghangatkan permusuhan sesama Islam di ruang maya.

Dalam titah tersebut, Almarhum turut menyelar ilmuwan agama yang tidak terkecuali mengeluarkan fatwa, tuduh-menuduh dan berdebat di alam siber sehingga masyarakat berpecah belah.

“Natijahnya, fitnah dan cerita palsu menjadi tular dan dijaja serata tempat, senario ini menjadi virus yang merosak dan mengelirukan rakyat,” titah Tuanku Abdul Halim.

Titah tersebut dibacakan Tunku Sallehuddin di hadapan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) negeri yang hadir pada hari tersebut.



WISMA Darul Aman di Alor Setar tempat berlangsungnya Persidangan DUN, Mesyuarat Pertama Penggal Kelima yang ke-13 pada 14 Ogos lalu.